

HASAD DENGKI

Sifat hasad dengki dan iri hati ialah seseorang itu rasa kurang senang dengan nikmat yang dikecapi orang lain lalu mengharapkan nikmat itu terhapus daripadanya.

Hadith Nabi s.a.w yang bermaksud: "Hasad itu memakan (memusnahkan) kebaikan, sebagaimana api memakan (membakar) kayu".

HASAD DENGKI

Dalam kehidupan bermasyarakat, penyakit dengki dapat merosak sendi-sendi kehidupan masyarakat. Dengki atau hasad, kata Imam al-Ghazali, adalah membenci kenikmatan yang diberikan Allah kepada orang lain dan ingin agar orang tersebut kehilangan nikmat tersebut.

Dengki dapat menghinggapi orang yang hatinya kotor kerana orang dengki merasa lebih hebat, berasa mempunyai kedudukan, dan tidak mahu kalah. Dalam pepatah Arab dikatakan, "kullu dhi ni'matin mahsuudun" (setiap yang mendapat kenikmatan pasti ada pendengkinya).

Allah s.w.t. mengajar kepada kita untuk berlindung dari kejahatan orang-orang yang dengki, "Katakanlah: Aku berlindung kepada Tuhan Yang menguasai Subuh, dari kejahatan makhluk-Nya... dan dari kejahatan pendengki bila ia dengki." (Surah al-Falaq, Ayat 1, 2, dan 5).

Nabi s.a.w bersabda, "Ada tiga perkara yang menjadi punca semua dosa. Jagalah dirimu dan waspadalah terhadap ketiga-tiganya. (Salah satunya) adalah jagalah dirimu dari dengki sebab dengki telah menyebabkan salah seorang anak Adam membunuh saudaranya". (Hadith riwayat Ibnu Asakir). Dalam hadith yang lain, "Hindari dengki kerana dengki itu memakan (menghancurkan) kebaikan sebagaimana api memakan (membakar) kayu". (Hadith riwayat Abu Daud).

Penyakit dengki dapat menyerang sesiapa sahaja, tidak pandang bulu, dapat menyerang tokoh agama, para pemimpin, orang kaya, orang miskin, orang yang bergelar dan berkedudukan, rakyat biasa hingga ketua negara.

Ibnu Qayyim mengatakan, tonggak kekufuran itu ada empat, iaitu takabbur, dengki, marah dan syahwat. Takabbur menghalang pelakunya dari sifat taat. Dengki menyebabkan tidak mahu menerima dan memberi nasihat. Marah menjadi penyebab berlaku tidak adil. Akhirnya, syahwat menjadi penghalang tumpuan dalam beribadah.

Disebabkan bahayanya penyakit dengki, selain dapat menghancurkan amal kebaikan, ianya disamakan dengan kejahatan tukang sihir dan maksiat yang biasa dilakukan pada malam hari. Oleh itu, kita diperintahkan untuk memohon perlindungan kepada Allah dari kejahatan para pendengki.

Ibnu Qayyim menyarankan kaedah rawatan untuk mengelakkan bahaya dengki dan orang yang mendengki. Iaitu, memohon perlindungan kepada Allah; bertaqwa kepada-Nya; bersabar menghadapi pendengki; bertawakal kepada Allah dengan menyerahkan segala persoalan, termasuk perbuatan pendengki; mengosongkan hati dan fikiran dari sifat dengki.

Kemudian, sentiasa menerima ketetapan Allah dengan ikhlas; bertaubat kepada-Nya dari segala dosa; memperbanyak sedekah dan berbuat baik sebanyak mungkin; memadamkan api dengki dengan berbuat baik kepada orang yang mendengki; dan memurnikan tauhid dengan sentiasa meyakini bahawa yang dapat mendatangkan manfaat dan bahaya hanyalah Allah s.w.t.

Semoga Allah menjauhkan dan melindungi kita dari penyakit dengki dan para pendengki serta menjadikan kita untuk selalu bersyukur atas nikmat yang diberikan oleh-Nya. Amin.

Disaring dari – <https://www.fiqhislam.com/agenda/syariah-akidah-akhlak-ibadah/115844-pendengki-nikmat>